



SEBUAH kereta Proton Saga tenggelam ketika melalui Jalan Chan Sow Lin dekat stesen LRT semalam.

KL hujan lebat, banyak kereta dihempap pokok, tenggelam

KUALA LUMPUR - Hujan lebat selama dua jam yang melanda ibu negara petang semalam mengakibatkan beberapa tempat termasuk di Jalan Chan Sow Lin berhampiran stesen transit aliran ringan (LRT) di sini dinaiki air.

Dalam kejadian pukul 4 petang itu, sebuah kereta jenis Proton Saga yang melalui jalan tersebut terperangkap selepas tenggelam hingga paras bumbung.

Pemandu kereta yang berusia lingkungan 20-an itu bagaimanapun terselamat apabila sempat keluar daripada kenderaannya selepas air naik secara tiba-tiba di kawasan rendah itu.

Selain banjir, sebanyak 34 buah kenderaan rosak teruk akibat dihempap beberapa batang pokok yang tumbang di tempat letak kereta Jalan Tun Razak bersebelahan bangunan Bank RHB.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa berlaku ekoran ke-



SEBAHAGIAN daripada kereta yang rosak akibat dihempap pokok yang tumbang di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur semalam.

jadian tersebut.

Antara kenderaan yang dihempap pokok termasuk Perodua Myvi, Perodua Alza, Toyota Camry, Toyota Vios, dan Ford Lynx.

Sementara itu di Segambut,

tiga pekerja termasuk seorang wanita Indonesia berusia di antara 25 dan 35 tahun dikhuatiri lemas terjatuh ke dalam longkang di Kondominium Tiara dalam kejadian pukul 4.30 petang semalam.